

Pengunduran Anwar Hanya Gimik Tagih Simpati Pengundi – Aminah Bernama
11 Julai, 2012

KUALA LUMPUR, 11 Julai (Bernama) -- Tindakan Datuk Seri Anwar Ibrahim membayangkan akan berundur daripada politik negara jika pakatan pembangkang kalah dalam Pilihan Raya Umum (PRU) ke-13 hanya satu gimik untuk menagih simpati pengundi, kata Aminah Abdullah, bekas ketua wanita Parti Keadilan Rakyat (PKR) Pulau Pinang.

Beliau berkata tindakan meraih simpati itu dibuat kerana Ketua Pembangkang itu semakin terdesak dan sedar sokongan orang ramai terhadapnya merosot berbanding pada PRU 2008.

"Kenapa perlu tunggu jika tewas pada PRU-13 baru nak bersara?. Bagi saya ini juga tidak lain hanya untuk 'menguji pasaran' sama ada dia masih mempunyai penyokong," katanya ketika dihubungi Bernama, Rabu.

Anwar dalam wawancara dengan akhbar Financial Times yang disiarkan pada 3 Julai lepas membayangkan akan berundur daripada politik negara jika pakatan pembangkang kalah dalam PRU-13.

Aminah berkata sokongan terhadap Anwar jelas semakin berkurangan sehingga kehadirannya pada Konvensyen Pilihan Raya Umum anjuran PKR di Pulau Pinang pada Ahad lepas gagal menarik kehadiran ramai.

-- BERNAMA

Hak Cipta Terpelihara © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=679874>